

04 NOV 1997

Ting-Pokok

PEMBABITAN NEGERI DALAM KEMPEN MENANAM POKOK TIDAK MENGGALAKKAN

SHAH ALAM, 4 Nov (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak berpuas hati dengan pembabitan beberapa negeri dalam kempen menanam pokok yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mei lepas.

Menterinya, Datuk Ting Chiew Peh berkata walaupun sasaran sebanyak 750,000 pokok harus ditanam di seluruh negara dalam setahun telah ditetapkan, sehingga akhir Oktober kementerian mendapati hanya 153,000 pokok yang telah ditanam.

Laporan Jabatan Landskap, hanya 20 peratus sahaja daripada sasaran itu sedang dilaksanakan dan sekiranya ini berterusan negara tidak mampu mencapai sasaran tiga juta pokok ditanam menjelang tahun 2000, katanya pada persidangan berita selepas merasmikan Persidangan Landskap Kebangsaan di sini hari ini.

Menurutnya, Perak mencatatkan pembabitan yang merangsangkan dengan menanam 93 peratus daripada sasaran penanaman 90,000 batang pokok setahun sebagaimana yang ditetapkan, diikuti Perlis 73 peratus daripada sasaran 10,000 pokok dan Negeri Sembilan sebanyak 66 peratus daripada sasaran 30,000 pokok manakala negeri-negeri lain kurang daripada 30 peratus.

"Jabatan Landskap telah membuat kajian mengenainya dan merumuskan beberapa sebab mengapa kempen ini tidak berjalan lancar," katanya.

Bagaimanapun Ting berkata mungkin ada tindakan penanaman pokok oleh kerajaan negeri, majlis kerajaan tempatan, swasta, pertubuhan atau mana-mana pihak yang tidak dimaklumkan kepada kementerian itu.

"Malah kalau dilihat daripada laporan Jabatan Landskap, ada negeri yang pencapaiannya adalah kosong. Ini bukan bermakna negeri itu tidak langsung menanam pokok, sebaliknya tidak menyelaras atau merekod kegiatan itu," katanya.

Beliau berkata, timbalannya Datuk Peter Chin dengan bantuan Jabatan Landskap telah diarahkan untuk menyelaras aktiviti penanaman pokok di negeri-negeri dalam usaha menjayakan kempen dan memastikan kerajaan negeri merekodkan penanaman pokok tiga bulan sekali sebagaimana yang dipersetujui sebelum ini.

Ting berkata beliau akan berusaha memastikan bahawa Dasar Landskap Negara berhubung penanaman pokok itu dipatuhi oleh semua pihak dan berharap kerajaan negeri akan mematuhi. -- BERNAMA

AZH NMO